

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HGM 331 Geografi Bandar

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH (7) SOALAN DI  
DALAM TIGA (3) HALAMAN.**

Soalan SATU (1) adalah wajib. Jawab SOALAN (1) dan TIGA (3) soalan lain.

1. Dengan berasaskan buku Knox, P.L. (1994), *Urbanization: An Introduction to Urban Geography*, bincangkan ruang lingkup kajian geografi bandar masa kini.  
(40 markah)
  
2. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bincangkan perkembangan yang berlaku di dalam pendekatan kajian geografi bandar bagi tempoh 1950an sehingga masa kini.  
(20 markah)
  
3. [i] Apakah yang dimaksudkan dengan sistem bandar?  
(5 markah)
  
- [ii] Jelaskan bagaimana perubahan ekonomi yang dialami oleh negara anda mempengaruhi pembentukan sistem bandar.  
(15 markah)

4. [i] Apakah yang dimaksudkan dengan “kesan hierarki” dan “kesan kejiranan” di dalam konteks pertumbuhan bandar?  
(8 markah)
- [ii] Jelaskan pengaruh-pengaruh lain yang difikirkan munasabah yang menyumbang kepada pertumbuhan bandar besar.  
(12 markah)
5. [i] Jelaskan ciri-ciri yang terdapat pada sebuah “bandar maklumat”.  
(8 markah)
- [ii] Bincangkan sejauhmana bandar-bandar di negara anda telah mencapai ke tahap ini.  
(12 markah)
6. [i] Apakah yang dimaksudkan dengan “konflik gunatanah” dalam bandar?  
(4 markah)
- [ii] Sejauh manakah konflik ini menimbulkan masalah kepada penghuni bandar?  
(8 markah)
- [iii] Nyatakan pertimbangan-pertimbangan yang wajar diambil bagi meminimakan kesan tersebut.  
(8 markah)

7. [i] Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan “mobiliti kediaman” dalam bandar.

(8 markah)

- [ii] Bincangkan hubungkaitnya dengan perubahan ke atas permintaan perumahan dan unit keajiranan di dalam sesebuah bandar yang anda ketahui.

(12 markah)

--ooo000ooo--